

**NO. SOALAN: 35**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' WIRA MOHD JOHARI BIN BAHAROM  
[ KUBANG PASU ]**

**TARIKH : 28 MEI 2015**

**RUJUKAN : 7911**

**SOALAN:**

**Dato' Wira Mohd Johari bin Baharom [ Kubang Pasu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengenai kesesakan yang berlaku di kaunter-kaunter laluan keluar dan masuk Jabatan Imigresen Malaysia di KLIA2. Adakah pihak pihak Kementerian mempunyai rancangan untuk mengatasi masalah kesesakan ini memandangkan ia adalah pintu masuk Negara dan mencerminkan imej Negara.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Yang Berhormat, dua syarikat penerbangan utama yang beroperasi di KLIA2 adalah Air Asia dan Malindo Air dengan purata mengendalikan pergerakan lebih kurang 30,000 orang penumpang sehari. Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) mengendalikan 58 kaunter pemeriksaan masuk dan 34 kaunter pemeriksaan keluar. Kaunter-kaunter ini terdiri dari kaunter untuk Pasport Asing, Pasport Malaysia, Transit, Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS), *APEC Card*, *Crew* dan juga *Autogate*.**

**Memandangkan KLIA2 beroperasi sebagai “penerbangan tambang murah”, ianya menjadi tumpuan dan pilihan rakyat Malaysia dan pelawat asing untuk masuk ke negara ini bagi berbagai tujuan termasuk melancong. Kesesakan boleh berlaku secara bermusim terutama pada musim cuti sekolah, hari perayaan dan pada waktu puncak apabila banyak penerbangan yang tiba serentak pada satu-satu masa, berkemungkinan disebabkan masalah teknikal kawalan udara yang berada diluar kawalan JIM.**

**Antara rancangan yang telah dilakukan oleh pihak Kementerian untuk mengatasi isu ini ialah melalui penstrukturan semula perjawatan JIM KLIA2 dengan pertambahan seramai 454 pegawai pada tahun 2014. Pelaksanaan pemeriksaan Imigresen**

di KLIA2 juga adalah berdasarkan prosedur yang ditetapkan dan sentiasa dipantau sama ada oleh pihak Imigresen sendiri ataupun pengurusan Malaysia Airport Berhad (MAB). Selain itu, pelbagai kaedah penambahbaikan dan pengurusan perkhidmatan juga telah dilaksanakan seperti '*multitasking counter*', kaunter ASEAN dan penambahan *e-gate* untuk mengatasi masalah kesesakan di kaunter-kaunter JIM di KLIA2.

**SOALAN ( 36 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 28 MEI 2015**  
**[ KHAMIS ]**

**DARIPADA : Y.B. DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR**  
**[ TANJONG KARANG ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR [ TANJONG KARANG ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah jumlah rumah persendirian di kawasan luar bandar yang telah terbakar pada tahun 2013, 2014 dan sehingga April 2015 di seluruh Negara khususnya negeri Selangor serta berapa banyak peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan untuk membantu membaik pulih rumah tersebut.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada statistik Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dari tahun 2013 hingga Mac 2015, sebanyak 3,482 (1.8%) kes kebakaran rumah persendirian telah dicatatkan daripada keseluruhan kes kebakaran di seluruh negara.

Maklumat lengkap adalah seperti berikut :-

<b>Bil.</b>	<b>Jenis Bangunan</b>	<b>2013</b>	<b>2014</b>	<b>2015 (hingga Mac)</b>	<b>Jumlah</b>
1	Rumah Kediaman	1,538	1,532	412	3,482

Bagi negeri Selangor pula, bilangan kebakaran rumah persendirian di sepanjang tempoh tersebut adalah sebanyak 341 kes seperti perincian di bawah:-

Bil.	Jenis Bangunan	2013	2014	2015 (hingga Mac)	Jumlah
1	Rumah Kediaman Negeri Selangor	166	137	38	341

Bagi meringankan beban mangsa kebakaran, JBPM melalui program *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) telah membina kembali rumah yang telah terlibat dengan kebakaran. Dari tahun 2013 hingga 2015, sebanyak 63 unit rumah telah dibina dengan peruntukan sebanyak RM2,515,904.30. Jumlah peruntukan bagi tahun 2013 hingga 2015 adalah seperti jadual di bawah:-

Perkara	Peruntukan 2013 (RM)	Peruntukan 2014 (RM)	Peruntukan 2015 (RM)
Peruntukan NBOS (Rumah Terbakar) bagi 63 buah rumah seluruh negara	651,904.30	954,000.00	910,000.00
<b>Jumlah (RM)</b>	<b>2,515,904.30</b>		